

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 2/1987.

TINDAKAN-TINDAKAN SELEPAS KELULUSAN PERMOHONAN PECAH SEMPADAN.

Arahan ini dikeluarkan adalah bagi menarik perhatian Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah kepada Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 10/1976. Yang mana di antara lain menerangkan bahawa hakmilik sambungan bagi bahagian-bahagian pecah sempadan tanah yang dicadang diserahkan untuk kegunaan Kerajaan hendaklah dikeluarkan. Bersama ini disertakan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan bilangan 10/1976 tersebut.

2. Oleh yang demikian dengan ini Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah adalah diminta mendaftarkan hakmilik sambungan bagi bahagian-bahagian pecah sempadan tanah yang dicadangkan diserahkan kepada Kerajaan untuk kegunaan awam seperti tapak pencawang L.L.N., kawasan lapang, tapak tangki air dan sebagainya. Kemudiannya menasihatkan tuan tanah itu untuk menyerahkan balik tanah-tanah berkenaan dibawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara.

3. Saya juga menarik perhatian tuan kepada Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 9/1980 yang menerangkan bahawa hakmilik sambungan bagi jalan-jalan masuk ke bahagian-bahagian pecah sempadan tidak perlu didaftarkan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(TENGGU SERI INDERA RAJA)  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

Edaran:

Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.

Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.

Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.

Pentadbir Tanah Daerah, Besut.

Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.

Pentadbir Tanah Daerah, Marang.

Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.

s.k.

1. Y.B. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri, Terengganu.
3. Unit Perancang Ekonomi, Terengganu.
4. Timbalan Yang Di Pertua Majlis Perbandaran, Kuala Terengganu.
5. Timbalan Yang Di Pertua Majlis Daerah, kemaman.
6. Timbalan Yang Di Pertua Majlis Daerah, Dungun.
7. Timbalan Yang Di Pertua Majlis Daerah, Besut.
8. Timbalan Yang Di Pertua Majlis Daerah, Hulu Terengganu.
9. Timbalan Yang Di Pertua Majlis Daerah, Marang.
10. Timbalan Yang Di Pertua Majlis Daerah, Setiu.
11. Semua Timbalan, Pengurus Komputer, Penolong Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU.

Bertarikh: 12hb. April, 1987.

Bersamaan: 13hb. Syaaban, 1407.

Fail: PTG.TR. 13/66/1 Jld. 3.